

# Trans-Asia diterima sebulat suara

8 OCT 2000  
KUALA LUMPUR: Menteri Pengangkutan Asean menerima sebulat suara cadangan pelaksanaan pembinaan laluan kereta api rentas Asia, Trans-Asia yang menghubungkan Singapura hingga Ke Kunming, China.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata perkara itu diperoleh hasil pembentangan kajian kebolehlaksanaan itu yang dikemukakan Malaysia pada Persidangan Menteri-Menteri Pengangkutan Asean, di Brunei, awal minggu ini.

Berikutan itu, Dr Ling berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyerahkan kajian itu pada persidangan peringkat antarabangsa lain bagi mendapatkan pandangan untuk melaksanakannya.

"Terserah kepada Dr Mahathir sebagai ketua pemimpin negara untuk mengemukakan persetujuan Asean ini ketika Sidang Kemuncak Asean, Sidang Kemuncak Asean-Eropah dan Persidangan Asean+3 (China-Jepun-Korea)," katanya selepas mengadakan mesyuarat dengan Pengarah-Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) negeri di pejabatnya, di sini, semalam.